

MT tidak bincang calon kalah letak jawatan Kabinet

Oleh Misiah Taib dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, cadangan supaya calon Naib Presiden Umno yang mempunyai jawatan dalam Kabinet tetapi kalah pada pemilihan parti perlu meletakkan jawatan, tidak boleh dijadikan satu peraturan.

Pemangku Presiden Umno yang juga pengerusi BN berkata perkara itu bukan peraturan parti dan hanya pandangan peribadi.

"Itu pandangan Shahrir (Datuk Shahrir Abdul Samad) dan terserahlah siapa nak ikut, siapa tak nak ikut.

Ia tidak boleh dijadikan peraturan. Kita tidak bincang perkara itu dalam mesyuarat malam ini... tidak ada siapapun yang sebut," katanya pada sidang media selepas mempenyeruikan Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi (MT) Umno dan Mesyuarat Dewan Tertinggi

Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam tadi.

Beliau diminta mengulas cadangan berkenaan yang dikemukakan Shahrir yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) dan Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC).

Kelmarin, Shahrir berkata, cadangan itu perlu dipertimbangkan ahli kerana pemimpin Umno yang menjadi Presiden dan Timbalan Presiden parti akan memegang jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri manakala jika Presiden dan Timbalan Presiden kalah pada pemilihan mereka pasti akan kehilangan jawatan dalam kerajaan itu.

Ditanya mengapa ia tidak boleh dijadikan peraturan, Abdullah berkata:

"Terserahlah kepada siapa nak bertanding... ukurlah diri sendiri, layak bertanding atau tidak".

Ketika diminta mengulas laporan ada Pengerusi Perhubungan Umno Negeri mahu supaya jawatan ketua bahagian tidak ditandingi, Abdullah berkata, beliau tidak tahu mengenainya dan menganggapnya sebagai komen biasa menjelang setiap pemilihan.

"Tiap kali ada pertandingan, macam-macam idea diberikan. Siapa nak dengar.. dengarlah. Siapa tak nak, tak payah dengar," katanya.

Ditanya mengenai ada juga ahli parti yang mengeluarkan kenyataan bahawa jawatan Presiden dan Timbalan Presiden masih boleh dicalonkan oleh bahagian walaupun MT sudah memutuskan ia tidak ditandingi, beliau berkata:

"Kita tidak dapat nak menghalang. Itu hak



ABDULLAH bersalaman dengan Radzi sambil diperhatikan Najib pada Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di PWTC malam tadi. - Gambar oleh Syamsi Suhaimi

mereka tapi MT juga ada hak untuk memberi pandangan."

Pada mesyuarat itu, Abdullah turut memberi taklimat kepada ahli MT mengenai hasil lawatannya ke China baru-baru ini, serta kerjasama ke arah memantapkan ekonomi bersama.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno yang baru dilantik, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, ketika ditemui wartawan, meminta semua cawangan Umno mematuhi peraturan

dan arahan yang diputuskan MT terutamanya kelonggaran kepada ahli untuk membayar yuran tahunan pada hari mesyuarat.

Katanya, mesyuarat peringkat Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno perlu diadakan terlebih dulu sebelum mesyuarat sesuatu cawangan itu dilangsungkan.

"Saya berharap persidangan cawangan berjalan lancar dan baik mengikut peraturan yang sudah diputuskan MT baru-baru ini," katanya.